

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Sarawak

TARIKH : 31 Mac 2022 (Kahmis)

### PELUANG MENIMBA ILMU DALAM BELANTARA BUKU

**USAHA** sedang gigh dilakukan untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara membaca menjelang 2030.

Usaha ini amat penting disokong oleh semua lapisan masyarakat, kerana membaca sesungguhnya ialah jambatan kepada ilmu pengetahuan.

Lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk memastikan rakyat kita berupaya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan warga jagat raya dalam era yang serba maju kini, kita mahu masyarakat kita agar sentiasa kritis dan kreatif dalam

penarikan inspirasi dan motivasi untuk menambah kemahiran dan keupayaan kita dalam serba hal, serta sentiasa cakna terhadap isu semasa.

Kegiatan mutakhir berhubung dengan usaha untuk memupuk budaya membaca adalah pengagihan baucar-baucar buku bersempena dengan program Semarak Membaca yang diadakan di Kuala Lumpur pada Selasa (29 Mac) lepas.

Program Penebusan Baucar Buku anjuran Pustaka Nasional Malaysia (PNM) itu akan diadakan serentak di seluruh negara bermula 1 April hingga 31 Ogos



**WACANA PENGARANG**

tahun ini, dan bakal memamfaatkan 190,000 sasaran penerima.

Menurut Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Datuk Seri Nancy Shukri, baucar-baucar buku itu akan diagihkan kepada sejumlah 371 buah kedai buku terdiri dari 170 kedai buku fizikal dan 200 stor buku e-dagang melalui aplikasi Shopee sebagai wadah baharu dalam pengembangan program penebusan buku ini.

Program Penebusan Baucar Buku Semarak Membaca ini telah mula diadakan pada tahun lepas dari 21 Oktober hingga 20 November 2021, dan diteruskan ekoran kejayaan program itu dalam menarik minat ramai rak-

yat Malaysia.

Ketika program itu berlangsung penerima baucar buku berpeluang mendapatkan harga diskaun bagi setiap buku yang mereka beli, dengan keistimewaan khas kepada setiap penerima baucar itu secara automatik didaftarkan sebagai ahli u-Pustaka yang memberi kemudahan akses kepada bahan-bahan bacaan secara percuma pada bila-bila masa.

Senarai stor buku yang terlibat dalam penebusan baucar buku boleh dilayari dalam laman sesawang [www.semaramembaca.com](http://www.semaramembaca.com).